

# Kopi 'hari-hari mau'

■ Produk jenama Harimau dan Singa dikesan dicampur adunan kimia beracun dirampas

Oleh Mohd Jamilul Anbia  
Md Denin  
am@hmetro.com.my  
Gombak

Slogan 'hari-hari mau' digunakan cukup memikat namun produk kopi dengan jenama Harimau dan Singa yang cuba dipasarkan oleh sindiket haram dikesan dicampur adunan kimia pembunuh thiodimethylsildenafil.

Racun kimia itu dikesan sengaja dimasukkan secara rahsia ke dalam serbuk kopi berkenaan bertujuan bagi merangsang nafsu seks lelaki yang meminumnya.

Bagaimanapun risikan pegawai Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) berjaya mengesan penjualan produk kopi campuran itu yang disahkan boleh membawa maut.

Kegiatan mengilang kopi 'maut' itu bagaimanapun berjaya dibongkar sepasukan anggota BPF Selangor selepas menyerbu sebuah premis yang dijadikan kilang haram oleh sindiket itu di Selayang di sini.

Dalam serbuan jam 11 pagi semalam, pihak BPF melakukan serbuan dibantu anggota Jabatan Imigresen Selangor susulan maklumat premis itu turut dikendalikan tiga warga asing.

Sumber berkata, hasil serbuan mengejut itu, seramai

tiga pekerja warga Indonesia yang tidak mempunyai permit kerja sah ditahan ketika sedang menjalankan kerja membungkus kopi itu.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui ribuan pekete kopi cap Harimau dan Singa yang sudah siap dibungkus termasuk ada antaranya sedang digaul di dalam mesin khas.

"Berdasarkan soal siasat dilakukan, sindiket itu akan mencampurkan sebanyak 750 gram kimia perangsang seks haram thiodimethylsildenafil ke dalam setiap 100 kilogram serbuk kopi yang sudah diadun dengan campuran tepung susu," katanya.

Menurutnya, kandungan kimia thiodimethylsildenafil di dalam kopi itu amat tinggi dan dianggap tidak munasabah.

"Tidak hairanlah sindiket itu didapati menjual kopi berkenaan pada harga semahal RM10 sepaket. Berdasarkan maklumat, produk kopi itu akan diedarkan terus ke pasaran sebalik siap dibungkus bagi mengelak serbuan oleh pihak berkuasa.

"Pemeriksaan lanjut di kilang itu turut menemui tong berisi serbuk thiodimethylsildenafil yang dipercayai diseludup dari luar negara. Kimia perangsang seks berbahaya itu boleh memecah harga sehingga lebih RM10,000 bagi setiap sekilogram," katanya.

Menurutnya, semua serbuk kimia thiodimethylsildenafil dan berpuluh-puluh pekete kopi harimau dan singa yang mahu diedarkan ke seluruh negara bernilai lebih RM50,000 kemudian dirampas.

**FAKTA**  
Racun kimia itu dikesan sengaja dimasukkan ke dalam serbuk kopi bagi merangsang nafsu seks lelaki



PEGAWAI BPF memeriksa premis yang dijadikan kilang haram proses serbuk kopi. Gambar kecil, mesin membungkus kopi haram yang turut dirampas.

## LAMBANG YANG MENYERLAHKAN KELEBIHAN JENAMA ANDA



Jenama anda melambangkan banyak perkara – kualiti produk atau perkhidmatan anda, reputasi organisasi anda, pengalaman pelanggan dan pelbagai lagi.

Dapatkan pengiktirafan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan untuk jenama anda dengan memanfaatkan Logo Kebangsaan Jenama Malaysia.

[www.nationalmark.gov.my](http://www.nationalmark.gov.my)



15 Nov – 28 Dis 2014  
Untuk maklumat lanjut, sila ke  
[www.nationalmark.gov.my](http://www.nationalmark.gov.my)

